

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]**

**TARIKH : 24 OGOS 2020 ( ISNIN )**

**SOALAN**

**TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah yang Kementerian dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang berusaha membersihkan imej Bandaraya Kuala Lumpur dari gelandangan, penagih dadah, pengemis/kutu rayau, pendatang asing yang menjual bunga dan tisu di kawasan Bukit Bintang yang dilihat sebagai menjadikan imej bersih dan ceria ibu kota.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bintang, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedia maklum dengan isu orang gelandangan, penagih dadah, pengemis atau kutu rayau dan warga asing yang menjalankan aktiviti penjajaan tanpa lesen dari DBKL. Bagi menangani isu dan permasalahan tersebut ianya memerlukan tanggungjawab bersama Agensi-gensi Kerajaan di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Untuk makluman Tuan Yang Di Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat jua, usaha-usaha bagi menyelamat orang gelandangan, pengemis atau kutu rayau adalah di bawah bidang tugas dan tanggungjawab Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan merujuk kepada Akta Orang Papa 1977. Manakala usaha-usaha bagi menangani isu warga asing dan penagih dadah pula adalah di bawah bidang tugas dan tanggungjawab Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) serta Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Walau bagaimanapun, DBKL senantiasa membantu Agensi-agensi Kerajaan berkenaan dalam melaksanakan tindakan operasi bersepadu dengan menyelaraskan kekuatan petugas serta bantuan logistik.

Mengenai aktiviti penjajaan warga asing, DBKL akan mengambil tindakan ke atas penjaja warga asing yang didapati menjalankan aktiviti perniagaan tanpa lesen dengan membuat pengusiran atau mengambil tindakan penguatkuasaan dengan menyita barang perniagaan bagi tujuan jualan di tempat awam. Tindakan sitaan serta merta terhadap pelbagai barang perniagaan akan dilaksanakan dan semua barang yang disita tidak boleh dituntut.

Tindakan penguatkuasaan diambil berdasarkan tindakan di bawah Seksyen 46(1)(d) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 iaitu letak atau menyebab diletak barang, benda berhubung trednya di tempat awam dan UUK 3(1) Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2016 iaitu bertindak sebagai penjaja tanpa lesen dari DBKL.

Sekian, terima kasih.